

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kemudahan kediaman dalam kampus di universiti-universiti awam diberikan kepada kumpulan mahasiswa B40.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Aspek kesejahteraan dan kebajikan sentiasa menjadi keutamaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam memastikan memastikan kemudahan kediaman dalam kampus konduksif, terutamanya untuk mahasiswa golongan B40. Ini penting kerana kedua-dua aspek, iaitu kesejahteraan dan kebajikan, turut secara tidak langsung memberikan kesan kepada proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang dilalui.

Untuk makluman, semua pelajar Tahun 1 diberikan keutamaan untuk mendapat kemudahan kediaman dalam kampus dan premis luar kampus yang diuruskan oleh Universiti Awam (UA). Ini bagi memberikan pengalaman penuh merasai semua kemudahan yang disediakan dan untuk membiasakan diri dengan persekitaran kampus.

Sementara itu, penyediaan kemudahan kediaman kepada golongan pelajar selain pelajar Tahun 1 atau pelajar kanan adalah berdasarkan kriteria yang telah digariskan oleh UA masing-masing. Dalam hubungan ini, **keutamaan permohonan penginapan dalam kampus diberikan kepada pelajar golongan B40 dan pelajar berkeperluan**. Faktor lain seperti **tahap keterlibatan dan keaktifan pelajar** dalam program-program di kampus juga **turut diambil kira** dalam memberikan kemudahan ini.

Sehingga 25 Oktober 2021, UA telah menyediakan kemudahan penginapan dalam kampus kepada seramai **63,695 orang mahasiswa**. Majoritinya merupakan pelajar golongan B40 berkeperluan yang telah mula memasuki kampus secara fizikal bagi sesi akademik Semester 1 Tahun 2021/2022.

Sekian, terima kasih.